



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 6

15hb Mac 2009

*TAMBAHAN No. 34
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 117.

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

**PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Borang yang ditetapkan
4. Fi yang ditetapkan

BAHAGIAN II

PERMULAAN RAYUAN

5. Permulaan rayuan
6. Notis rayuan
7. Notis rayuan hendaklah ditandatangani dan dimeterai

Peraturan

8. Daftar Rayuan
9. Penyampaian notis rayuan kepada Suruhanjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan
10. Penyerahan dokumen oleh Suruhanjaya kepada Tribunal Rayuan
11. Rekod rayuan
12. Memasukkan rayuan dalam senarai rayuan
13. Penyampaian rekod rayuan
14. Notis pendengaran rayuan
15. Pindaan notis rayuan

BAHAGIAN III

PENDENGARAN RAYUAN

16. Korum Tribunal Rayuan
17. Sidang Tribunal Rayuan
18. Saman untuk hadir
19. Hak untuk hadir dan didengar dalam dengar
20. Ketidakhadiran pihak-pihak
21. Rayuan boleh didengar bersama
22. Tatacara pendengaran rayuan
23. Penangguhan
24. Penarikan balik rayuan
25. Keputusan Tribunal Rayuan
26. Daftar keputusan Tribunal Rayuan

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

27. Meterai rasmi
28. Pejabat Pendaftar Tribunal Rayuan
29. Pengerusi atau anggota Tribunal Rayuan tidak dapat menyelesaikan prosiding
30. Perbelanjaan saksi
31. Ketidapatuhan arahan
32. Rekod prosiding
33. Pemulangan dokumen, dsb.
34. Peruntukkan peralihan

JADUAL

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 16(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Tribunal Rayuan) (Tatacara Rayuan) 2009**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“mana-mana pihak lain kepada rayuan” ertinya mana-mana pihak, selain perayu, yang tersentuh oleh keputusan atau arahan Suruhanjaya yang dirayukan, jika ada;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Tribunal Rayuan yang dilantik di bawah perenggan 17(2)(a) Akta;

“perayu” ertinya orang yang memfailkan notis rayuan;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Tribunal Rayuan yang dinamakan oleh Menteri di bawah seksyen 26A Akta.

Borang yang ditetapkan

3. Borang yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Fi yang ditetapkan

4. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah fi yang berkenaan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Fi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibayar kepada Setiausaha melalui apa-apa kaedah dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Setiausaha dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN II

PERMULAAN RAYUAN

Permulaan rayuan

5. Suatu rayuan kepada Tribunal Rayuan di bawah subseksyen 120(1) Akta hendaklah dimulakan melalui suatu notis rayuan dalam Borang A yang difailkan oleh perayu.

Notis rayuan

6. (1) Suatu notis rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh empat puluh lima hari selepas tarikh penyampaian ke atas perayu pemberitahuan keputusan atau arahan daripada Suruhanjaya yang dirayu.

(2) Suatu notis rayuan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen sokongan yang berkaitan.

(3) Bilangan salinan notis rayuan yang hendaklah difailkan adalah berdasarkan keperluan yang berikut:

- (a) satu salinan bagi maksud Tribunal Rayuan;
- (b) satu salinan untuk disampaikan kepada Suruhanjaya;
- (c) seberapa banyak salinan untuk disampaikan kepada mana-mana pihak lain kepada rayuan sebagaimana yang ditentukan oleh perayu; dan
- (d) seberapa banyak salinan bagi maksud perayu.

(4) Perayu hendaklah membayar fi yang ditetapkan apabila memfailkan notis rayuan.

Notis rayuan hendaklah ditandatangani dan dimeterai

7. Apabila notis rayuan diterima, Setiausaha—

- (a) hendaklah menandatangani semua salinan notis rayuan itu; dan
- (b) hendaklah menyebabkan semua salinan notis rayuan itu dimeterai dengan meterai Tribunal Rayuan.

Daftar Rayuan

8. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Rayuan dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut olehnya.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan butir-butir suatu rayuan dimasukkan dalam Daftar Rayuan.

(3) Tiap-tiap rayuan hendaklah dibezakan melalui suatu nombor dan tahun yang rayuan itu difailkan.

Penyampaian notis rayuan kepada Suruhanjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan

9. (1) Selepas butir-butir rayuan dimasukkan ke dalam Daftar Rayuan dengan sempurna, Setiausaha hendaklah menyimpan satu salinan notis rayuan yang telah ditandatangani dan dimeterai dan hendaklah menyebabkan semua salinan yang lain notis rayuan itu yang difailkan bagi maksud perenggan 6(3)(b), (c) dan (d) yang telah ditandatangani dan dimeterai dikembalikan kepada perayu.

(2) Perayu hendaklah menyampaikan salinan notis rayuan yang telah ditandatangani dan dimeterai kepada Suruhanjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan salinan notis rayuan itu daripada Setiausaha.

(3) Perayu hendaklah memfailkan bukti penyampaian notis rayuan di bawah subperaturan (2) kepada Setiausaha dalam Borang B.

Penyerahan dokumen oleh Suruhanjaya kepada Tribunal Rayuan

10. Suruhanjaya hendaklah dalam tempoh empat puluh lima hari selepas tarikh penyampaian notis rayuan kepada Suruhanjaya menyerahkan dokumen yang berikut:

- (a) keputusan atau arahan Suruhanjaya yang dirayukan;
- (b) suatu pernyataan fakta kes;
- (c) alasan bagi keputusan atau arahan Suruhanjaya yang dirayukan; dan
- (d) dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

Rekod rayuan

11. (1) Selepas menerima dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam peraturan 10, Setiausaha hendaklah menyediakan salinan rekod rayuan yang mencukupi bagi kegunaan Tribunal Rayuan dan penyampaian kepada perayu dan mana-mana pihak lain kepada rayuan.

(2) Rekod rayuan hendaklah mengandungi dokumen yang berikut:

- (a) suatu salinan notis rayuan yang diakui sah; dan
- (b) suatu salinan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam peraturan 10 yang diakui sah.

(3) Setiausaha hendaklah melengkapkan penyediaan rekod rayuan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan dokumen-dokumen di bawah subperaturan (1).

(4) Apabila rekod rayuan itu selesai disediakan, Setiausaha hendaklah menghantar suatu notis dalam Borang C bagi memaklumkan bahawa rekod itu telah selesai disediakan dan meminta perayu membayar fi yang ditetapkan bagi menampung kos penyediaan rekod rayuan.

(5) Kecuali jika dibenarkan selainnya oleh Setiausaha, perayu hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh perayu menerima notis di bawah subperaturan (4), membayar fi yang ditetapkan itu.

(6) Selepas pembayaran fi yang ditetapkan di bawah subperaturan (5), Setiausaha hendaklah membekalkan salinan rekod rayuan yang mencukupi kepada perayu untuk diserahkan kepada Suruhanjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan.

(7) Jika perayu gagal membayar fi yang ditetapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam subperaturan (5), rayuan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik oleh perayu.

Memasukkan rayuan dalam senarai rayuan

12. Apabila rekod rayuan telah dibekalkan kepada perayu, Setiausaha hendaklah memasukkan rayuan itu ke dalam senarai rayuan yang akan didengar dan memberikan notis kepada perayu dan Suruhanjaya tentang kemasukan rayuan itu.

Penyampaian rekod rayuan

13. (1) Perayu hendaklah menyerahkan rekod rayuan kepada Suruhanjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh perayu menerima rekod rayuan di bawah peraturan 11.

(2) Perayu hendaklah memfailkan bukti penyampaian rekod rayuan di bawah subperaturan (1) kepada Setiausaha dalam Borang B.

Notis pendengaran rayuan

14. (1) Setiausaha hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh Setiausaha menerima bukti penyampaian dalam peraturan 13, menetapkan tarikh, masa dan tempat pendengaran rayuan itu.

(2) Tarikh pendengaran rayuan itu hendaklah tidak melewati satu ratus lima puluh hari dari tarikh notis rayuan difailkan di bawah subperaturan 6(1).

(3) Setiausaha hendaklah menyampaikan notis pendengaran rayuan itu dalam Borang D kepada perayu dan Suruhanjaya tidak kurang daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh pendengaran rayuan itu.

(4) Tribunal Rayuan boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan perayu atau Suruhanjaya, dengan memberi notis yang munasabah kepada semua pihak, menangguhkan tarikh pendengaran rayuan.

(5) Perayu hendaklah, dalam masa yang munasabah sebelum pendengaran, menyampaikan notis pendengaran rayuan atau penangguhan pendengaran rayuan kepada mana-mana pihak lain kepada rayuan.

Pindaan notis rayuan

15. (1) Perayu boleh, pada bila-bila masa sebelum tarikh pendengaran rayuan itu, memfailkan permohonan untuk meminda notis rayuan kepada Tribunal Rayuan.

(2) Satu salinan cadangan pindaan kepada notis rayuan hendaklah dilampirkan bersama permohonan itu.

(3) Pengerusi boleh membenarkan permohonan untuk meminda notis rayuan.

(4) Jika permohonan untuk meminda notis rayuan itu dibenarkan, Setiausaha hendaklah menyebabkan notis rayuan yang telah dipinda itu ditandatangani dan dimeterai dan dikembalikan kepada perayu dan peraturan 9, 10, 11 dan 13 hendaklah terpakai secara *mutatis mutandis*, mengikut kehendak keadaan, berkenaan dengan notis rayuan yang dipinda itu.

BAHAGIAN III

PENDENGARAN RAYUAN

Korum Tribunal Rayuan

16. Pengerusi hendaklah menentukan komposisi korum bagi Tribunal Rayuan dalam semua prosiding di hadapan Tribunal Rayuan dengan mengambil kira hal perkara rayuan dan kepekaran yang berkaitan bagi anggota-anggotanya.

Sidang Tribunal Rayuan

17. (1) Semua prosiding di hadapan Tribunal Rayuan hendaklah didengar di pejabat Tribunal Rayuan, tetapi Pengerusi boleh, mengikut budi bicaranya, mengarahkan supaya pendengaran diadakan di mana-mana tempat yang sesuai bagi Tribunal Rayuan, perayu dan Suruhanjaya.

(2) Semua prosiding di hadapan Tribunal Rayuan hendaklah terbuka kepada orang awam.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Pengerusi boleh, jika difikirkannya patut, memerintahkan pada mana-mana peringkat prosiding bahawa orang awam secara am atau mana-mana orang secara khusus tidak dibenarkan mempunyai akses kepada, atau berada atau terus berada di dalam bilik di mana prosiding di hadapan Tribunal Rayuan sedang didengar.

(4) Jika mana-mana prosiding atau mana-mana bahagian mana-mana prosiding disentuh oleh suatu perintah yang dibuat oleh Pengerusi di bawah subperaturan (3), Pengerusi boleh, jika pada pendapatnya keterangan atau bahan lain yang dikemukakan kepada Tribunal Rayuan adalah bersifat sulit mengarahkan supaya keterangan atau bahan itu tidak disiarkan atau penyiarannya dihadkan atau membenarkan penyiarannya tetapi tanpa mendedahkan pihak-pihak dalam prosiding itu.

Saman untuk hadir

18. (1) Mana-mana pihak kepada sesuatu rayuan yang dibuat kepada Tribunal Rayuan boleh memohon kepada Setiausaha untuk mengeluarkan saman kepada mana-mana orang supaya hadir di hadapan Tribunal Rayuan untuk memberikan keterangan berkenaan dengan rayuan itu dan permohonan itu hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh pendengaran rayuan itu.

(2) Mana-mana orang yang disaman di bawah subperaturan (1) boleh dikehendaki mengemukakan apa-apa buku, kertas, rekod, dokumen atau benda lain, sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik, yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya, berkenaan dengan rayuan itu.

(3) Saman kepada mana-mana orang supaya hadir sebagai saksi hendaklah dalam Borang E dan hendaklah disampaikan kepadanya secara ke diri.

(4) Borang E hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha dan hendaklah dimeteraikan dengan meterai Tribunal Rayuan.

(5) Sesuatu saman yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah disampaikan dan dikuatkuasakan seolah-olah saman itu dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah.

Hak untuk hadir dan didengar dalam dengar

19. (1) Tiap-tiap pihak kepada rayuan adalah berhak untuk hadir dan didengar pada pendengaran rayuan itu di hadapan Tribunal Rayuan.

(2) Pada pendengaran sesuatu rayuan di hadapan Tribunal Rayuan—

(a) Suruhanjaya boleh diwakili oleh mana-mana ahli Suruhanjaya, atau mana-mana kakitangannya, atau peguam caranya; dan

(b) perayu atau mana-mana pihak lain kepada rayuan itu, boleh hadir bagi pihaknya sendiri, atau diwakili oleh mana-mana kakitangannya, atau peguam caranya.

(3) Jika perayu atau Suruhanjaya atau pihak lain kepada rayuan diwakili oleh peguam cara, perayu, Suruhanjaya atau pihak lain kepada rayuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengeluarkan suatu surat kuasa yang memberikan kuasa kepada peguam cara itu.

Ketidakhadiran pihak-pihak

20. Jika mana-mana pihak kepada rayuan tidak hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran, Tribunal Rayuan boleh, jika Tribunal Rayuan berpuas hati bahawa notis pendengaran bagi rayuan itu telah disampaikan kepada pihak yang tidak hadir itu dengan sewajarnya, mendengar dan memutuskan rayuan itu.

Rayuan boleh didengar bersama

21. Tribunal Rayuan boleh, atas permohonan perayu atau Suruhanjaya, memerintahkan dua rayuan atau lebih untuk didengar bersama jika Tribunal Rayuan mendapati—

- (a) bahawa hal perkara rayuan itu timbul daripada keputusan atau arahan Suruhanjaya yang sama; atau
- (b) bahawa hal perkara keputusan atau arahan Suruhanjaya itu adalah sama atau serupa sifatnya.

Tatacara pendengaran rayuan

22. Tatacara yang berikut terpakai berhubung dengan pendengaran suatu rayuan dihadapan Tribunal Rayuan:

- (a) melainkan jika Pengerusi menetapkan selainnya, perayu hendaklah memulakan dan hendaklah mempunyai hak untuk memberikan jawapan penutup dan pihak lain kepada rayuan hendaklah didengari mengikut giliran yang ditetapkan oleh Pengerusi;
- (b) perayu dan Suruhanjaya adalah berhak untuk mendapatkan keterangan dan memeriksa balas orang yang memberi keterangan dan boleh berhujah kepada Tribunal Rayuan mengenai semua perkara yang dibangkitkan dalam prosiding;
- (c) keterangan boleh diberikan secara lisan atau, jika perayu dan Suruhanjaya bersetuju atau Pengerusi memerintahkan sedemikian, melalui affidavit, tetapi Pengerusi boleh pada mana-mana peringkat prosiding mengeluarkan perintah yang menghendaki saksi hadir sendiri untuk pemeriksaan dan pemeriksaan balas;
- (d) semua keterangan hendaklah diberikan atas sumpah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pengerusi, orang yang mengendalikan sumpah atau ikrar itu adalah Setiausaha atau orang lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi;

- (e) peruntukan undang-undang berhubung dengan keterangan tidak terpakai bagi prosiding di hadapan Tribunal Rayuan;
- (f) Tribunal Rayuan boleh menanyakan apa-apa soalan kepada mana-mana saksi dan boleh menghendakinya supaya mengemukakan apa-apa dokumen yang kuasa untuk mengemukakannya ada pada saksi itu;
- (g) mana-mana pernyataan bertulis atau dokumen keterangan yang dikemukakan hendaklah ditandakan sebagai eksibit dan hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod;
- (h) Pengerusi hendaklah mencatat atau menyebabkan supaya dicatatkan nota tentang keterangan yang diberikan dan setakat mana didapati wajar, hujah yang dibuat oleh perayu dan Suruhanjaya;
- (i) Tribunal Rayuan boleh memeriksa mana-mana tempat atau barang yang berhubung dengannya mana-mana soalan dibangkitkan dalam rayuan dan apa-apa perbelanjaan yang berhubung dengannya hendaklah menjadi kos dalam prosiding; dan
- (j) selepas pendengaran tamat atau pada tarikh lain yang ditetapkan oleh Pengerusi, Pengerusi hendaklah menyampaikan keputusan Tribunal Rayuan dan Pengerusi hendaklah menyatakan secara terperinci alasan-alasan bagi keputusan itu.

Penangguhan

23. Tribunal Rayuan boleh, sama ada atas kehendak sendiri atau atas permohonan perayu atau Suruhanjaya, dari semasa ke semasa, menangguhkan pendengaran sesuatu rayuan.

Penarikan balik rayuan

24. (1) Perayu boleh memfailkan notis penarikan balik dalam Borang F pada bila-bila masa sebelum Tribunal Rayuan membuat apa-apa keputusan terhadap rayuan itu, dan hendaklah, pada masa yang sama, menyampaikan suatu salinannotis itu kepada Suruhanjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan.

(2) Selepas memfailkan notis penarikan balik rayuan, Setiausaha hendaklah menyebabkan rayuan itu dipotong daripada senarai rayuan.

(3) Jika perayu memfailkan suatu notis penarikan balik rayuan, perayu hendaklah bertanggungjawab untuk membayar semua perbelanjaan atau kos berhubung dengan rayuan itu yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan itu.

Keputusan Tribunal Rayuan

25. (1) Tribunal Rayuan, setelah menimbang sesuatu rayuan, boleh mengesahkan, mengubah, mengubah suai atau membatalkan keputusan atau arahan Suruhanjaya yang merupakan hal perkara rayuan itu.

(2) Keputusan Tribunal Rayuan hendaklah secara bertulis, bertarikh dan ditandatangani oleh anggota-anggota Tribunal Rayuan dan hendaklah disertai alasan bagi keputusan Tribunal Rayuan.

(3) Sekiranya mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang telah membuat keputusan atas apa-apa rayuan tidak dapat menandatangani keputusan itu kerana meninggal dunia, sakit, tidak hadir atau sebab lain, keputusan itu hendaklah ditandatangani oleh anggota-anggota lain yang membentuk korum itu.

Daftar keputusan Tribunal Rayuan

26. (1) Setiausaha hendaklah menyenggarakan suatu daftar bagi semua keputusan Tribunal Rayuan.

(2) Daftar keputusan Tribunal Rayuan hendaklah sentiasa tersedia di Pejabat Pendaftaran Tribunal Rayuan untuk pemeriksaan oleh orang awam pada waktu pejabat.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Meterai rasmi

27. (1) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai suatu meterai rasmi yang hendaklah disimpan dalam jagaan Setiausaha.

(2) Setiap saman, notis, award, perintah, keputusan, atau dokumen lain yang dikeluarkan, dibuat atau diberikan oleh Tribunal Rayuan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi atau Setiausaha, dan dimeterai dengan meterai rasmi Tribunal Rayuan.

Pejabat Pendaftaran Tribunal Rayuan

28. Pemfailan dan penyampaian apa-apa dokumen dan pembayaran fi, berhubung dengan apa-apa rayuan, oleh mana-mana pihak kepada sesuatu rayuan kepada Tribunal Rayuan hendaklah dibuat di Pejabat Pendaftaran Tribunal Rayuan.

Pengerusi atau anggota Tribunal Rayuan tidak dapat menyelesaikan prosiding

29. Jika Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang memulakan pendengaran dan yang setelah mendengar keseluruhan atau mana-mana bahagian prosiding itu tidak dapat, kerana meninggal dunia, sakit, luput tempoh pelantikan atau apa-apa sebab lain, menyelesaikan prosiding itu dan Menteri melantik Pengerusi atau anggota lain bagi menggantikan Pengerusi atau anggota itu, Tribunal Rayuan yang baru dipilih boleh meneruskan untuk menimbangkan keterangan yang telah pun direkodkan dan meneruskan prosiding itu dari peringkat yang prosiding itu terhenti, atau boleh memulakan semula prosiding itu.

Perbelanjaan saksi

30. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah perenggan 24A(e) Akta bagi maksud mana-mana orang yang dipanggil oleh Tribunal Rayuan hendaklah ditaksirkan oleh Setiausaha mengikut skala yang digunakan dalam prosiding sivil di mahkamah rendah dan hendaklah dibayar oleh perayu, Suruhanjaya atau mana-mana pihak lain kepada rayuan, sebagaimana yang diarahkan oleh Tribunal Rayuan.

Ketidapatuhan arahan

31. Tiada prosiding Tribunal Rayuan atau award, perintah, keputusan atau dokumen lain Tribunal Rayuan boleh diketepikan atau dibatalkan hanya atas sebab tidak mematuhi aturan.

Rekod prosiding

32. Setiausaha hendaklah mencatatkan rekod semua prosiding Tribunal Rayuan, dengan membuat catatan dalam fail rayuan berkenaan.

Pemulangan dokumen, dsb.

33. (1) Tribunal Rayuan boleh, selepas selesai prosiding di hadapannya, memerintahkan supaya apa-apa buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain yang dikemukakan semasa prosiding diserahkan kepada tuan punya yang sah.

(2) Setiausaha hendaklah mengeluarkan notis mengenai apa-apa perintah yang dibuat di bawah subperaturan (1) kepada tuan punya yang sah apa-apa buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain.

(3) Jika tiada seorang pun mengambil apa-apa buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain yang disebut dalam subperaturan (1) selepas luput tempoh enam bulan dari tarikh notis itu dikeluarkan, pemunyaan buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain itu hendaklah disifatkan telah berpindah dan terletak hak, kepada Tribunal Rayuan dan Tribunal Rayuan boleh menguruskannya mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Tribunal Rayuan.

Peruntukan peralihan

34. (1) Mana-mana orang terkilan dengan apa-apa arahan atau keputusan Suruhanjaya yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini ("tarikh kuat kuasa") yang masih berkuat kuasa pada tarikh kuat kuasa, boleh memfailkan rayuan terhadap arahan atau keputusan itu dalam masa empat puluh lima hari dari tarikh kuat kuasa.

(2) Apa-apa rayuan yang difailkan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada peruntukan Peraturan-Peraturan ini kecuali peruntukan subperaturan 6(1).

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

BORANG-BORANG

BORANG A

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009

DALAM PERKARA TRIBUNAL RAYUAN

NO. RAYUAN.....TAHUN 20.....

Nama Perayu:

No. K/P/No. Pendaftaran Syarikat:

No. Lesen (jika berkenaan):

Jenis Lesen (jika berkenaan):

Alamat:

.....

No. Telefon:

No. Faks:

E-mel:

No. Telefon Tangan:

NOTIS RAYUAN

Perayu yang terkilan dengan atau yang kepentingannya dimudartakan oleh suatu keputusan/ arahan* Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang diberikan pada
haribulan20..... merayu kepada Tribunal Rayuan terhadap keputusan/ arahan* Suruhanjaya tersebut.

Butir-butir rayuan adalah seperti yang berikut:

- (a) Butir-butir Keputusan/Arahan yang dirayukan;
(perihal keputusan atau arahan dan butir-butir terperinci, keputusan atau arahan yang dirayukan, butir-butir khusus dan alasan-alasan rayuan yang disandarkan oleh perayu)
- (b) Senarai dokumen sokongan berkaitan yang dilampirkan; dan
- (c) Relief atau remedi yang dipohon.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(METERAI)

.....
Perayu.....
Setiausaha
Tribunal Rayuan

Kepada:

- (1) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- (2) Mana-mana pihak lain kepada rayuan, sekiranya ada.

BORANG B

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009

DALAM PERKARA TRIBUNAL RAYUAN

DI.....

DI NEGERI.....MALAYSIA

NO. RAYUAN.....TAHUN 20.....

PENGENDORSAN PENYAMPAIAN

(1) Dokumen ini telah disampaikan dengan cara penyampaian ke diri kepada (yang dikenali) (atau yang telah ditunjukkan kepada saya oleh) (atau yang telah mengaku kepada saya bahawa dialah orangnya) di pada hari..... pada haribulan20.... pada pukul.....pagi/petang.

(2) Dokumen ini telah disampaikan dengan cara pos berdaftar berbayar dahulu kepada yang dialamatkan (di alamat penyampaianya) atau (alamat terakhir yang diketahui).

Bertarikh padaharibulan.....20.....

.....
Tandatangan

BORANG C

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009

DALAM PERKARA TRIBUNAL RAYUAN

DI.....

DI NEGERI... ..MALAYSIA

NO. RAYUAN.....TAHUN 20.....

NOTIS BAHAWA REKOD RAYUAN SUDAH SIAP

Ambil perhatian bahawa rekod rayuan dalam prosiding yang disebut di atas sudah siap dan bahawa kos bagi menyediakan rekod rayuan tersebut sebanyak RM... ..(1) kena dibayar oleh tuan/puan.

Ambil perhatian jika tuan/puan gagal untuk menjelaskan bayaran yang disebut di atas dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis ini disampaikan, rayuan tuan/puan akan ditolak.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(METERAI)

.....
Setiasaha
Tribunal Rayuan

Kepada:

 (2)

NOTA:

- (1) Masukkan amaun yang setepatnya. Jika tidak ada baki, tulis "Tiada".
- (2) Masukkan nama dan alamat perayu.

BORANG D

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
 (TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009

DALAM PERKARA TRIBUNAL RAYUAN

DI.....

DI NEGERI.....MALAYSIA

NO. RAYUAN.....TAHUN 20.....

NOTIS PENDENGARAN RAYUAN

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa rayuan mengenai perkara di atas akan didengar pada hari.....haribulan.....20....di
 (alamat tempat pendengaran rayuan) pada.....pagi/petang dan berterusan pada hari-hari berikutnya, jika perlu:

Betarikh pada.....haribulan.....20.....

(METERAI)

.....
 Setiausaha
 Tribunal Rayuan

Kepada:.....(1)
 (2)
(3)

NOTA:

- (1) Setiausaha Tribunal Rayuan
- (2) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- (3) Mana-mana pihak lain kepada rayuan, sekiranya ada

BORANG E

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009

DALAM PERKARA TRIBUNAL RAYUAN

DI.....

DI NEGERI.....MALAYSIA

NO. RAYUAN.....TAHUN 20.....

- 1. Perayu
- 2. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
- 3. Mana-mana pihak lain kepada rayuan, sekiranya ada.

SAMAN KEPADA SAKSI

Kepada

.....
.....
.....

(Masukkan nama penuh dan alamat orang yang disaman)

BAHAWASANYA Perayu telah memfailkan suatu rayuan bagi mendapat keputusan berhubung dengan suatu keputusan/arahan* yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan adalah didapati bahawa tuan/puan boleh memberi keterangan yang mustahak bagi pihak Perayu/Suruhanjaya*;

Tuan/puan dengan ini disaman supaya hadir di hadapan Tribunal Rayuan di
.....(alamat tempat pendengaran rayuan)

pada.....haribulan.....20..... pukul.....pagi/petang untuk memberi keterangan bagi pihak Perayu/Suruhanjaya* dan seterusnya untuk hadir semasa pendengaran rayuan atau sehingga diberikan kebenaran oleh Tribunal Rayuan untuk beredar.

Tuan/puan juga dikehendaki membawa bersama dan mengemukakan pada masa dan tempat yang disebut dokumen-dokumen yang berikut**:

(nyatakan dokumen yang hendak dikemukakan)

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(METERAI)

.....
Setiasaha
Tribunal Rayuan

NOTA:

- * Potong mana-mana yang tidak berkenaan
- ** Potong jika tiada dokumen dikehendaki dibawa

BORANG F

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(TRIBUNAL RAYUAN) (TATACARA RAYUAN) 2009

DALAM PERKARA TRIBUNAL RAYUAN

DI.....

DI NEGERI.....MALAYSIA

NO. RAYUAN.....TAHUN 20.....

NOTIS PENARIKAN BALIK

Ambil perhatian bahawa Perayu menarik balik keseluruhan rayuan terhadap Suruhanjaya.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

.....
Perayu

Kepada:.....(1)

.....(2)

.....(3)

NOTA:

- (1) Setiausaha Tribunal Rayuan
- (2) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- (3) Mana-mana pihak lain kepada rayuan, sekiranya ada

JADUAL KEDUA

[Peraturan 4]

FI YANG DITETAPKAN

FI

<i>Perkara</i>	<i>Jumlah Fi (RM)</i>
Pemfailan Notis Rayuan	1,000.00
Rekod rayuan	50 sen setiap muka surat
Keputusan Tribunal Rayuan	50.00 satu salinan
Salinan Diakui Sah	10.00

Dibuat 13 Februari 2009

[KTAK: BP(S) 353/1/3; PN(PU²)601/VIII]

DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA ACT 1998

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA (APPEAL TRIBUNAL)
(APPEAL PROCEDURE) REGULATIONS 2009

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Prescribed form
4. Prescribed fees

PART II

COMMENCEMENT OF APPEAL

5. Commencement of appeal
6. Notice of appeal
7. Notice of appeal to be signed and sealed
8. Register of Appeals
9. Service of notice of appeal on Commission and any other party to the appeal
10. Delivery of documents by Commission to Appeal Tribunal
11. Record of appeal
12. Entry of appeal in the list of appeal
13. Service of record of appeal
14. Notice of hearing of appeal
15. Amendment of notice of appeal

PART III

HEARING OF APPEAL

16. Quorum of Appeal Tribunal
17. Sitting of Appeal Tribunal
18. Summons to appear

Regulation

19. Right to attend and be heard of hearing
20. Non-appearance of party
21. Appeals may be heard together
22. Procedure for hearing of appeal
23. Adjournment
24. Withdrawal of appeal
25. Decision of Appeal Tribunal
26. Register of decision of Appeal Tribunal

PART IV

MISCELLANEOUS

27. Official seal
28. Appeal Tribunal Registry
29. Chairman or member of Appeal Tribunal not able to conclude proceedings
30. Witness's expenses
31. Want of form
32. Record of proceedings
33. Disposal of document, *etc.*
34. Transitional provisions

SCHEDULE

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA ACT 1998

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA (APPEAL TRIBUNAL)
(APPEAL PROCEDURE) REGULATIONS 2009

IN exercise of the powers conferred by paragraph 16(1)(a) of the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation

1. These regulations may be cited as the **Communications and Multimedia (Appeal Tribunal) (Appeal Procedure) Regulations 2009**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“any other party to the appeal” means any party, other than the appellant, to whom the decision or direction of the Commission appealed against relates, if any;

“Chairman” means the Chairman of the Appeal Tribunal appointed under paragraph 17(2)(a) of the Act;

“appellant” means the person filing the notice of appeal;

